

09 NOV 1999

Najib-Hukuman

HUKUMAN TETAP MENANTI GURU YANG TIMBULKAN KONTROVERSI

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Guru matematik yang menimbulkan kontroversi dengan menukarkan soalan peperiksaan sekolah kepada yang berbau politik harus menerima apa jua hukuman yang akan dikenakan terhadapnya atas perbuatan yang tidak beretika itu, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata kementerian tidak melengah-lengahkan hukuman terhadap guru itu malah dakwaan sedang ditentukan dan surat tuduhan disegerakan terhadapnya.

"Seseorang guru seperti guru berkenaan adalah pegawai yang bertaraf tetap dan berpencen yang terikat dengan proses yang sewajarnya dan disebabkan itu hukuman setimpal perlu ditentukan dengan teliti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Hari Kualiti kementerian di sini hari ini.

Guru itu yang sebelum ini bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, Pokok Sena telah ditukarkan buat sementara ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Rotan, Kuala Kedah berkuatkuasa 1 Nov lepas.

Guru itu, seperti yang didedahkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lepas menggunakan nama beberapa pemimpin negara yang diubahsuai untuk merujuk kepada pemimpin berkenaan dalam kertas ujian bulanan matematik yang disediakannya.

Antara nama yang digunakan dalam kertas ujian itu ialah Det, Daim, Mirzan, Zani, Umihalf, Rafidah, Patail, Eric, Chia dan Tingpeking. Soalan itu juga menyebut mengenai "mahligai" dan "khadam" yang merujuk kepada kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya yang disebut pembangkang sebagai "Mahligai PM".

Najib berkata kementerian akan tetap mengambil tindakan tegas kerana guru itu melakukan perbuatan yang tidak beretika dan pada pendapat kementerian melanggar prinsip perkhidmatan kerana memasukkan unsur-unsur politik di dalam soalan ujian.

Katanya, perbuatan guru itu bukan sahaja menjejaskan dirinya tetapi juga memburukkan nama profesion perguruan dan kementerian di kalangan masyarakat.

Mengenai aduan seorang ahli sejarah Ranjit Singh kononnya soalan ujian mata pelajaran sejarah dalam Penilaian Menengah Rendah baru-baru ini telah menyimpang fakta, Najib berkata kementerian bersedia berdialog dengan beliau berhubung perkara itu.

Katanya, adakalanya sukar untuk menentukan sesuatu fakta sejarah terutamanya berhubung tarikh peristiwa kerana ia berlaku begitu lama tanpa sebarang dokumentasi.

Menurutnya, soal pemberian markah bonus terhadap soalan berkenaan termasuk kesalahan ejaan pada nama seseorang dalam soalan itu tidak timbul.

Ketika berucap pada majlis berkenaan, Najib menegaskan perlunya satu pendekatan baru daripada segi penyampaian dan pengaliran ilmu di antara guru dan pelajar bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa dan berkesan.

Katanya, guru perlu bersifat terbuka dalam hubungan mereka dengan pelajar serta menggalakkan pelajar memberi buah fikiran kerana ini boleh mewujudkan pembelajaran dua hala.

-- BERNAMA

ARA AKD